

16 MAY 2000  
Rafidah-Exco

HINDARI BUAT KENYATAAN BERLEBIHAN -- KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini meminta semua pihak supaya tidak mengeluarkan kenyataan yang berlebihan mengenai isu pelantikan Exco pergerakan itu kerana ia boleh mengeruhkan lagi keadaan.

Menurutnya apa yang penting semua anggota Exco yang dilantik bersetuju untuk bekerjasama dan ia dibuktikan pada mesyuarat pertama Exco yang jelas menunjukkan kesanggupan semua anggota berpadu kerja demi untuk kepentingan parti.

Selain itu, katanya, kenyataan mengenai pengguguran sembilan Ketua Wanita Negeri termasuk bekas ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sebagai satu tindakan gopoh, juga tidak sepatutnya ditimbulkan.

Rafidah berkata sudah menjadi sifatnya untuk tidak menangguhkan kerja dan beliau turut mengharapkan sumbangan daripada semua biro Pergerakan Wanita dalam menyediakan laporan untuk pucuk pimpinan dengan segera.

"Soal gopoh atau cepat.. itu terpulang kepada sayalah. Saya buat cepat kerana saya ingin ke Amerika Syarikat dan saya tak ingin kerja Umno tergendala," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Accountants Online Sdn Bhd, anak syarikat HeiTech Padu Bhd, di sini hari ini.

Menurutnya pelantikan (Exco Wanita) perlu dilakukan secepat mungkin bagi memastikan persediaan program-program Wanita Umno untuk menghadapi pilihan raya kawasan Teluk Kemang yang dijadualkan pada 10 Jun.

Rafidah turut mengumumkan pelantikan Khamsyiah Yeop sebagai Ketua Wanita Negeri Perak dan Faezah Abu Kassim sebagai naibnya.

Ketika mengulas lanjut mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Rafidah berkata beliau menjelaskan semua masalah yang dihadapi oleh Wanita UMNO pada masa ini kepada Presiden parti itu.

Menurut Rafidah, beliau juga telah memberitahu Dr Mahathir mengenai hutang pergerakan Wanita UMNO berjumlah RM1.3 juta dengan Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) serta hutang lebih RM14,000 dengan MARDI.

"Dua hari selepas saya dipilih, PWTC memberitahu bahawa Wanita Umno berhutang RM1.3 juta, dan berhutang RM14,000 lebih dengan Mardi untuk kursus yang diadakan di situ dua tahun lepas," katanya.

"Banyak perkara macam ini yang terpaksa saya terangkan kepada Dr Mahathir sebelum saya mengambil alih (tugas) dan Dr Mahathir mengusulkan kepada saya supaya mengemukakan akaun secepat mungkin," katanya.

Menurut Rafidah beliau telah mengarahkan Bendahari untuk membuat akaun kerana difahamkan akaun tidak pernah dibuat sejak tiga tahun lepas selain kehilangan buku cek.

Ketika ditanya sama ada Wanita Umno akan menyelesaikan hutang itu, Rafidah berkata beliau tidak mampu berjanji kerana jumlahnya yang terlalu banyak.

Rafidah berkata beliau turut memaklumkan kepada Dr Mahathir mengenai persediaan program khas Pergerakan Wanita Umno bagi menghadapi pilihan raya kecil Teluk Kemang, yang termasuk menyediakan pusat penyelarasan bagi semua wanita yang datang dari luar Negeri Sembilan untuk membantu Wanita negeri menyelaraskan kempen.

Menurutnya beliau turut menerangkan kepada Dr Mahathir mengenai biro-biro dan tugas pengerusi biro yang sudah dilantik untuk mengendalikan soal berkaitan hal ehwal pengguna, alam sekitar, pertanian dan sebagainya.

"Kita juga ada cadangan untuk melantik wakil-wakil belia dalam Exco akademik dan kita akan serahkan kepada Dr Mahathir senarai anggota yang berpotensi," katanya.

Rafidah dan barisan anggota Exconya dijangka menemui Perdana Menteri pada petang esok.

-- BERNAMA  
WNZ AHH NMO